

## BAB VI

### PENGLIBATAN HUATUAN DALAM POLITIK, 1985-1990

#### 6.1 Pengenalan

Pelaksanaan dasar-dasar kerajaan untuk merealisasikan agenda perjuangan Melayu mulai tahun 70-an telah membawa kepada penghakisan hak dan kepentingan komuniti Cina di Malaysia. Mereka menganggap segala dilema dan kemelut yang mendepani mereka merupakan natijah daripada pemberian layanan oleh kerajaan yang tidak adil, yang ditunjangi kekuasaan politik Melayu. Ini telah menimbulkan kesedaran mereka untuk memperjuangkan hak kesamarataan. Dalam pada itu kemelesetan ekonomi pada pertengahan tahun 1980-an juga membawa kesan ke atas politik Malaysia, di mana elit Melayu dan Cina bersaing dalam bidang ekonomi. Malah persaingan dan perebutan sumber ekonomi turut berlaku di kalangan elit Melayu. Keadaan ini telah mempengaruhi percaturan politik di Malaysia.

Dalam hal ini parti-parti politik Cina yang menganggotai kerajaan telah mengecewakan komuniti Cina. Kegagalan ini berpunca daripada fenomena “agony of coalition” yang menyaksikan pemimpin-pemimpin politik Cina terpaksa akur dengan kompromi yang dicapai dalam politik perikatan amalan BN. Oleh itu mereka kelihatannya tidak berupaya melindungi hak dan kepentingan masyarakat Cina, apatah lagi memperjuangkan kesamarataan hak bagi orang Cina. Ketidakupayaan ini dikukuhkan lagi dengan kewujudan hegemoni politik Melayu. Pembabitan Huatuan secara langsung dalam politik kepartian bagi melindungi hak dan kepentingan orang Cina merupakan kemuncak rasa kecewa komuniti itu terhadap parti-parti politik tersebut.

Kita sudah melihat bagaimana perjuangan Huatuan untuk menegakkan hak dan kepentingan kaum Cina pada tahun 70-an dalam bab sebelum ini. Perjuangan Huatuan yang bergerak atas landasan kepentingan komunal semata-mata dalam tempoh tersebut telah menemui kebuntuan. Hal yang demikian mendorong para pemimpin Huatuan mencari pendekatan yang menjangkaui tuntutan komunal dalam perjuangan mereka. Untuk melegitimasi perjuangan mereka dan menghasilkan impak tertentu, mereka nampaknya telah memilih satu landasan perjuangan baru yang berkisar pada penuntutan hak demokrasi dan sivil. Perbincangan hala perjuangan ini menjadi fokus dalam bab ini.

## **6.2 Kelahiran Gagasan Sistem Dua Barisan dan Pilihan Raya Umum 1986**

Masyarakat Cina terus dihimpit berbagai-bagai dilema dalam tahun 80-an. Pengajuran Kongres Kebudayaan Cina dalam tahun 1983 merupakan respons kepada kemelut itu dan kongres tersebut menjadi titik tolak kepada fasa baru dalam pergerakan Huatuan di Malaysia. Pertemuan itu berjaya membentuk pertubuhan induk yang bernama 15 Huatuan, di mana ia menjadi kuasa penyatu kepada perjuangan dan pengerahan tenaga dalam persatuan Cina bagi memelihara hak dan kepentingan kaum Cina di Malaysia. Apa yang lebih penting lagi ialah pertubuhan itu telah menggerakkan penubuhan *Malaysian Chinese Resource and Research Centre* ( MCRRC ) atau juga dikenali sebagai Huazi.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Nama pusat penyelidikan ini kemudian ditukar kepada *Centre For Malaysian Chinese Studies Bhd.* dalam tahun 1999, dan seterusnya kepada *Centre For Malaysian Chinese Studies* pada 23 April 2001. Untuk maklumat terperinci tentang sejarah penubuhan MCRRC dan peranannya dalam masyarakat Cina, lihat Tan ( 1996 ).

### **6.2.1 Penubuhan dan Kepentingan MCRRRC**

Idea penubuhan MCRRRC dicetuskan dalam satu seminar bertemakan ‘Penerokaan Dimensi Baru Masyarakat Cina’ anjuran DPCS pada 16-17 Jun 1984. Dalam seminar itu wakil dari Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan Malaysia, Chen Ye Hong mengesyorkan agar satu pusat sumber dan penyelidikan masyarakat Cina ditubuhkan bagi memenuhi keperluan komuniti yang semakin mendesak dalam mendepani masalah penghakisan hak dan kepentingan orang Cina. Dalam keadaan ini maka penubuhan MCRRRC merupakan natijah daripada kesedaran masyarakat Cina terhadap berbagai-bagai dilema yang menimpa mereka dalam dekad 80-an.

Gagasan penubuhan MCRRRC direalisasikan oleh Jawatankuasa Kerja Kebudayaan Huatuan Seluruh Negara ( JKKHSN ), sebuah badan di bawah 15 Huatuan pada 1 Januari 1985. Pembentukan MCRRRC mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada masyarakat Cina. Seramai kira-kira 160 orang cendekiawan dan profesional Cina telah menyertai pusat itu sebagai perunding atau penyelidik sukarela ( Thock 1994 : 338 ). Mereka menaruh harapan yang tinggi terhadap MCRRRC, seperti yang dapat dilihat dalam kata-kata Ting Chew Peh ( waktu itu belum lagi menyertai MCA ) :

Sudah lebih dari sepuluh tahun, disebabkan gemparan dari perkembangan politik dan ekonomi, kedudukan masyarakat Tionghoa di kebanyakan bidang semakin merosot. Masyarakat dipenuhi perasaan pesimis dan kekecewaan, masyarakat Tonghoa hilang haluan. Sentimen ini tentu memberi implikasi buruk terhadap masyarakat Tionghoa dan negara. Huazi yang ditubuhkan oleh JKKHSN merupakan satu langkah yang amat

perlu bagi kempen menyelamatkan komuniti dan merupakan satu tindakan terhadap keadaan semasa.

( Tan 1996 : 60 )

Walaupun MCRRC merupakan sebuah pusat sumber dan penyelidikan namun perkembangannya yang seterusnya memperlihatkan badan itu berperanan sebagai “think tank” bagi masyarakat Cina di Malaysia. Akibat dilema dan kemelut yang semakin menghimpit orang Cina, para cendekiawan di MCRRC berikhtiar dan merencanakan strategi yang sesuai untuk perjuangan Huatuan demi menangani permasalahan tersebut. Dalam hal ini MCRRC berjaya menggubal sebuah dokumen tuntutan penting yang dipanggil *Perisytiharan Bersama Pertubuhan-Pertubuhan Cina Malaysia 1985* ( PBPCM ) dan mengesyorkan pembentukan *Civil Rights Committee* ( CRC ) bagi merealisasikan tuntutan dokumen itu.

#### **6.2.2 Pelancaran dan Tuntutan PBPCM**

PBPCM yang dilancarkan pada 12 Oktober 1985 telah dilulus dan dimeterai oleh 27 buah Huatuan utama yang mewakili kira-kira 5000 buah persatuan Cina dari seluruh Malaysia. PBPCM merupakan sebuah dokumen yang menuntut kesamarataan hak untuk masyarakat Cina dalam bidang politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan, dan kebijakan sosial. Tuntutan-tuntutan itu terjelma kerana pelbagai dilema yang melanda orang Cina tidak dapat diselesaikan. Kekecewaan dan keimbangan kaum Cina itu dapat dilihat dengan jelas dalam pendahuluan dokumen tersebut :

Rakyat Malaysia keturunan Cina, atau ringkas komuniti Cina, merasa cemas kerana kegentingan masalah polarisasi kaum yang sebahagian besarnya, pada fikiran kami, di-

sebabkan oleh dasar-dasar kerajaan yang sentiasa mengutamakan kepentingan kaum Bumiputera dan juga oleh tindakan-tindakan pentadbiran. Ini telah mengakis lalu merampas hak-hak asasi bukan Melayu bagi menuntut kesamaan dalam bidang politik, ekonomi, social, budaya, bahasa, dan pendidikan.

( Huatuan Utama 1985 : 1 )

Memandangkan PBPCM menganggap segala dilema yang menimpa komuniti Cina berpunca daripada pelaksanaan dasar-dasar yang probumiputera, maka satu deklarasi tujuh perkara telah diutarakan dalam dokumen itu. Deklarasi tersebut mendesak agar kerajaan memberi layanan yang adil dan saksama kepada semua kaum di Malaysia. Tujuh perkara yang dimaksudkan itu ialah :

1. Segala dasar kerajaan harus selaras dengan peraturan-peraturan Perlembagaan Malaysia, Rukunegara, dan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menjamin bahawa hak-hak asasi manusia dan hak-Hak demokratik yang sah tidak tercabul,
2. Segala bentuk diskriminasi, khasnya dasar-dasar kerajaan yang didasarkan kepentingan satu-satu komuniti, adalah perlanggaran yang buruk terhadap hak-hak asasi manusia dan penghalang utama kepada perpaduan nasional,
3. Kami mengutuk segala bentuk cauvinisme, rasisme, dan kefanatikan agama,
4. Kami percaya sungguh-sungguh bahawa hak-hak sivil dan politik yang sama rata merupakan prasyarat yang penting sekali bagi meningkatkan perpaduan nasional dan kemajuan. Rakyat hanya dapat bersatu padu atas dasar kebebasan, kesamaan, dan demokrasi,
5. Kami meminta supaya kerajaan menghormati hak-hak asasi rakyat Malaysia dalam kebebasan berorganisasi, berjumba, bertutur, menerbit, dan kebebasan lain yang terjamin dalam Perlembagaan,
6. Kami meminta supaya kerajaan melaksanakan langkah-langkah yang berkesan untuk membasmi kemiskinan dan meninggikan taraf hidup rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan, dan

- 7 Kami menyeru kepada semua pihak di seluruh tanah air, khususnya parti-parti politik, supaya memberi sokongan terhadap Pengisytiharan Bersama ini.

( Ibid : 2-3 )

Walaupun PBPCM bertitik tolak daripada tuntutan komuniti Cina namun deklarasi di atas jelas menunjukkan para pemimpin Huatuan ingin mengalihkan perjuangan mereka keluar dari kerangka tuntutan komunal. Mereka mula menganggap perjuangan kesamarataan hak merupakan hak demokrasi dan sivil rakyat yang tidak harus disekat oleh pemerintah. Perkembangan ini menampilkan satu kemajuan baru dalam perjuangan Huatuan yang memperlihatkannya menjangkaui tuntutan kepentingan orang Cina yang selama ini menunjangi perjuangan tersebut. Hal ini sebenarnya merupakan sumbangan dari MCRRC yang berjaya mengumpulkan sejumlah cendekiawan Cina yang ingin melihat perjuangan Huatuan berlandaskan penuntutan hak demokrasi dan sivil ( Ser 1993 : 58 ).

Dengan landasan baru ini, PBPCM melihat segala permasalahan yang melanda masyarakat Cina dari kaca mata seluruh rakyat negara ini. Oleh itu tuntutan PBPCM tidak dikemukakan mengikut kerangka komunal dan cauvinistik. Ini dapat dilihat dalam kata-kata Khoo Siong Chi, Presiden DPCS semasa melancarkan dokumen tersebut :

This Joint Declaration is intended to lay the real and proper basis for National Unity and to prevent the problem of racial polarization from deteriorating any further. This document declares our views and grievances and puts forward some fundamental demands and proposals covering the economic, political, social, cultural, language

menjaga dan memelihara keselamatan masyarakat,

3. Persempadan kawasan pilihan raya harus berdasarkan prinsip yang demokratik dan adil, iaitu “satu orang, satu undi” supaya kawasan-kawasan pilihan raya mempunyai jumlah pengundi yang hampir sama,
4. Pembentukan dasar kebudayaan harus mengakui dan menerima ciri-ciri kemajmukan masyarakat kita,
5. Layanan yang adil harus diberi kepada semua jenis aliran sekolah dan bahasa setiap kaum,
6. Pembentukan satu jentera pentadbiran yang bersih dan cekap, dan membanteras amalan rasuah dengan tegas,
7. Membangunkan kampung baru Cina secara menyeluruh dan memasukkannya ke dalam rancangan pembangunan negara,
8. Mempercepat pemprosesan ke atas permohonan hak kerakyatan yang memenuhi syarat, dan
9. Mengkaji semula akta-akta yang melanggar hak asasi manusia.

( DPCS 1986 : 1-49 )

Pelancaran PBPCM dan penetapan 9 matlamat utama perjuangan itu membuka dimensi baru kepada penglibatan Huatuan dalam politik Malaysia. Menurut Ho Khai Leong ( 1988 : 246 ), PBPCM merupakan “a massive and ambitious agenda of political reform” bagi masyarakat Cina khususnya dan Malaysia amnya. Manakala badan CRC pula dianggap sebagai “an apolitical movement of reform and social conscience”( Ibid. ). Dalam hal ini PBPCM boleh dianggap sebagai sebuah deklarasi politik yang menyatakan isi hati dan permintaan untuk semua rakyat di Malaysia. Oleh itu dokumen tersebut mendapat sambutan baik daripada masyarakat Cina dan parti-parti politik pelbagai kaum. Antara parti politik

yang memperakukan PBPCM ialah MCA, Gerakan, SUPP, DAP, PRM, dan PAS, namun UMNO tidak berbuat demikian ( Yang 1996 : 181 )

Dengan tuntutan-tuntutan PBPCM dan 9 matlamat utama itu maka CRC sudah membabitkan diri dalam percaturan politik Malaysia. Ini adalah kerana CRC terpaksa memikul tanggungjawab untuk memperkenalkan isi kandungan PBPCM dan 9 matlamat utama melalui wadah politik kepada rakyat, terutamanya komuniti Cina di seluruh negara. Dalam hal ini, persatuan penaungnya 15 Huatuan memberi kebebasan yang cukup luas kepada CRC melalui satu ketetapan mesyuarat pada 13 April 1986 untuk melaksanakan tugasnya :

Demi pelaksanaan PBPCM yang lebih berkesan dan memandangkan keadaan politik negara yang mengalami perkembangan yang pesat serta harapan rakyat, 15 Huatuan berpendapat bahawa rakyat seharusnya diberi satu alternatif baru dalam pilihan raya umum akan datang agar sistem demokrasi di negara kita berkembang dengan lebih sempurna. Berdasarkan alasan ini, 15 Huatuan memberi kuasa kepada CRC untuk mengambil langkah-langkah konkret supaya keadaan politik tersebut diwujudkan. Ini termasuk memberi sokongan secara langsung kepada ahli-ahli politik yang pada fikiran CRC boleh merealisasikan PBPCM dan 9 matlamat utama tahap pertama.<sup>2</sup>

( *Nanyang Siang Pau* 4.3.1992 )

Ketetapan mesyuarat di atas sudah menyediakan asas kepada kemunculan gagasan Sistem Dua Barisan di Malaysia. Berdasarkan bibit-bibit itu maka CRC pun

---

<sup>2</sup> Para perwakilan persatuan yang menghadiri mesyuarat bertarikh 13 April 1986 itu merupakan pemimpin tertinggi Huatuan dari seluruh Malaysia. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa keinginan untuk membentuk satu alternatif baru dalam politik, iaitu Sistem Dua Barisan ialah hasrat masyarakat Cina keseluruhannya. Untuk senarai penuh pemimpin Huatuan yang menghadiri mesyuarat itu, lihat ( Shue 1992 : 54 ).

menggagaskan sistem tersebut ( Kua 1990c : 266 ). Kelahiran gagasan Sistem Dua Barisan berkait rapat dengan tanggapan para pemimpin dan aktivis CRC terhadap pemuatan kuasa di tangan UMNO. Timbalan pengurus CRC, Lim Fong Seng dalam satu seminar anjuran DPCS pada 11 Julai 1986 berpendapat bahawa pemuatan kuasa demikian menyumbang kepada gejala penyalahgunaan kuasa dan kejadian skandal yang mengakibatkan negara dilanda krisis ekonomi, politik, dan sosial.

Selanjutnya pemuatan kuasa tersebut telah menghasilkan dua mitos politik di Malaysia, yakni pemerintahan UMNO ( Melayu ) tidak dapat dicabar dan BN merupakan kuasa tunggal yang mampu memerintah negara ini ( Thock 1994 : 331 ). Menurut tokoh Huatuan itu lagi, kewujudan dua mitos politik tersebut menyebabkan amalan demokrasi di Malaysia kehilangan maknanya. Oleh itu pada pendapat pemimpin itu, perjuangan Sistem Dua Barisan bertujuan menegakkan sistem demokrasi yang sempurna :

Tujuan CRC memperkenalkan gagasan Sistem Dua Barisan ialah untuk memajukan dan menegakkan perkembangan sistem demokrasi yang sihat di negara ini. Ini kerana hanya dengan pembentukan Sistem Dua Barisan yang bertindak sebagai parti Alternatif untuk menubuhkan kerajaan, barulah parti pemerintah akan menunjukkan sikap yang lebih demokratik dan liberal. Dengan itu, hasrat dan tuntutan rakyat akan lebih dihormati.

( Sia 1997 : 163-164 )


#### **6.2.4 CRC dan Pakatan Pembangkang dalam Pilihan Raya Umum 1986**

Kesedaran terhadap implikasi kekuasaan BN yang ditunjangi hegemoni Melayu / UMNO mendorong para pemimpin dan aktivis Huatuan berusaha untuk

mengekangnya. Mereka melihat Sistem Dua Barisan satu-satunya strategi yang unggul bagi memecahkan kedua-dua mitos politik di atas. Hanya dengan mengekang hegemoni Melayu / UMNO barulah masalah penghakisan hak dan kepentingan masyarakat Cina dapat diatasi. Sehubungan itu mereka kelihatan sudah nekad dalam hala perjuangan dan bertindak untuk memobilisasikan masyarakat Cina massa ke arah itu. Ini dapat dilihat dalam kata-kata Lim Fong Seng yang berbunyi : “... Chinese are ready to take their destiny in their own hands and bring about change. By voting against Barisan ... we can at best replace Barisan with a new coalition.” (*Asiaweek* 27.7.1986 ).

Dengan visi politik yang jelas itu maka CRC pun bergerak cergas dalam usaha merealisasikan gagasan Sistem Dua Barisan. Untuk mencapai matlamat tersebut CRC berusaha memperkenalkan gagasan itu di kalangan orang Cina dan mengadakan majlis dialog dengan parti-parti politik demi meraih sokongan mereka terhadap PBPCM dan 9 matlamat utama. CRC yang berperanan sebagai kumpulan kepentingan telah berdialog dengan parti pembangkang dan parti-parti komponen pemerintah. Matlamat akhir CRC ialah mengadakan dialog dan perundingan dengan BN agar hasrat PBPCM dapat diterima dan diterapkan dalam dasar kerajaan. Mekanisme dialog ini dijelaskan dalam rajah di bawah :

Rajah 6.1 Dialog CRC dengan Parti-Parti Politik di Malaysia



Sumber : Thock (1994:160)

Memandangkan pembentukan satu pakatan pembangkang ialah prasyarat kepada kemunculan Sistem Dua Barisan, maka CRC mengorak langkah bagi menggerak dan membantu dalam usaha itu. Umpamanya timbalan pengurusi CRC, Lim Fong Seng dilaporkan berkata :

The CRC has been working intensively over the past few months to get all opposition parties to agree on an electoral pact and will continue to do so ... we in the CRC feel it would be more effective to have all opposition parties together.

( *The Malay Mail* 3.7.1986,  
dipetik dalam Sia 1997 : 169 )

Untuk merealisasikan hasrat politik di atas, CRC berikhtiar bagi membawa dua buah parti pembangkang yang utama, iaitu DAP dan PAS ke dalam satu pakatan. PAS didekati kerana parti itu merupakan pesaing kepada UMNO dalam merebut sokongan orang Melayu. Parti itu juga parti pembangkang tunggal yang boleh mengekang dan menggugat kekuasaan UMNO.

Dalam pada itu perubahan sikap pemimpin-pemimpin PAS terhadap masyarakat Cina mulai tahun 1984 juga menyenangkan penerimaan parti itu oleh CRC.<sup>3</sup> Pucuk pimpinan PAS juga menyedari bahawa walaupun pengundi Cina merupakan golongan minoriti dalam kawasan pilihan raya di negeri-negeri utara Semenanjung tetapi mereka mampu menjadi faktor penentu dalam persaingan sengit

---

<sup>3</sup> Perubahan ini berlaku berikutan pucuk pimpinan PAS diambil alih oleh puak ulama yang diketuai Yusuf Rawa, Fadzil Noor, Hadi Awang, dan Nik Aziz Nik Mat pada tahun 1982. Kumpulan ini yang berfahaman fundamentalis mula mengkritik dasar-dasar kerajaan yang berteraskan keetnikan dan nasionalisme Melayu sebagai bercanggah dengan ajaran tulen Islam. Malah semasa berkempen dalam pilihan raya umum 1986, Hadi Awang membuat kejutan dengan mengatakan bahawa PAS akan menarik balik hak istimewa orang Melayu sekiranya berjaya membentuk kerajaan, lihat umpamanya Chung ( 1987 : 94 ).

antara PAS dan UMNO (Chung 1987 : 92 ). Perkembangan seterusnya menyaksikan PAS mengambil langkah drastik bagi mendekati komuniti Cina. Dengan perkembangan ini maka CCC (Chinese Consultative Committee), sebuah badan yang berperanan sebagai jambatan kepada orang bukan Islam mengenali dasar perjuangan yang didukung oleh PAS pun dibentuk menjelang pilihan raya umum 1986.

Dengan perubahan ini PAS berjaya menarik minat pemimpin dan aktivis Huatuan terhadapnya. Umpamanya PAS telah mengadakan majlis dialog dengan Huatuan di DPCS pada 5 Februari dan 11 Februari 1986. Perjumpaan yang sama dengan Dongjiaozong turut diadakan pada 29 September 1986. Walau bagaimanapun kesungguhan CRC dan para pemimpin Huatuan gagal dalam membantu pembentukan satu pakatan pembangkang yang kuat. Hal ini demikian kerana pendirian PAS untuk menuju Negara Islam dibantah dengan keras oleh DAP. Oleh itu DAP memilih bagi menghadapi pilihan raya umum tanpa sebarang pakatan. Manakala PAS hanya berjaya membentuk satu pakatan pembangkang yang dikenali sebagai Harakah Keadilan Rakyat ( HAK ) dengan parti-parti politik yang kecil pada 14 Julai 1984.<sup>4</sup>

Walaupun CRC gagal dalam misi membentuk pakatan pembangkang bagi mengekang kekuasaan BN / UMNO, namun badan itu masih meneruskan kempen pilihan rayanya dengan manifesto mengurangkan majoriti dua pertiga BN di parlimen. CRC menyeru rakyat khususnya masyarakat Cina memberi sokongan kepada parti-parti pembangkang supaya menyekat BN mencapai kemenangan dua

---

<sup>4</sup> HAK disertai oleh PAS, Parti Rakyat Malaysia (PRM ), Socialist Democratic Party ( SDP ), dan Parti Nasionalis Malaysia ( Nasma ). Keanggotaannya bertambah kepada lima apabila Parti Pekerja Malaysia turut menandatangani perisytiharan persefahaman HAK pada 19 Julai 1986.

pertiga. Dalam hal ini badan itu menyeru pengundi-pengundi membuang undi berdasarkan garis panduan yang disediakan seperti berikut :

1. In straight fights, vote opposition,
2. Where there more than two candidates, vote DAP where the non-Malay composition is more than two-thirds,
3. Vote PAS where the Malay composition is more than two-thirds,
4. In constituencies where the ethnic composition is more balanced, vote for the most credible opposition candidate,
5. Also, these candidates deserve particular support :
  - a. PAS's Nakhaie Ahmad,
  - b. DAP's Lim Kit Siang, Lee Lam Thye, V. David, P. Patto, Sim Kwang Yang, Fung Ket Weng, Lee Kaw,
  - c. SDP's Ahmad Nor, Fan Yew Teng,
  - d. Nasma's Cikgu Jabar,
  - e. PRM's Mohideen Kader, Razak Ahmad, Hassan Karim, G.S. Nijhar.

( *The 1986 General Elections : The Main Issues Before the People* , Fail CRC, dipetik dalam Sia 1997 : 187 ).

Kegiatan politik CRC dan Huatuan yang lain di atas berjaya mempengaruhi pola pengundian komuniti Cina dalam pilihan raya umum 1986. Tuntutan-tuntutan PBPCM dan 9 matamat utama yang diperjuangkan oleh Huatuan telah menyemarakkan sentimen ketidakpuasan masyarakat Cina terhadap dasar-dasar kerajaan. Keadaan itu turut menyebabkan pengenalan gagasan Sistem Dua Barisan sebagai wadah perlindungan hak dan kepentingan orang Cina mendapat perhatian dan sambutan komuniti itu. Ini kemudiannya menjadi asas kepada penrealisasian gagasan tersebut dalam pilihan raya umum 1990.

Ketidakpuasan orang Cina terhadap kerajaan menyumbang kepada peralihan pola pengundian komuniti Cina yang memihak kepada parti pembangkang, terutamanya DAP. Parti itu mencatat prestasi yang terbaik sejak ia menyertai pilihan raya umum mulai tahun 1969 dengan memenangi 24 kerusi Parlimen berbanding dengan 9 kerusi pada tahun 1982. DAP juga memperoleh peratusan undi yang kedua terbanyak selepas UMNO ( 31.06% ) dengan mencatat 20.39%. Manakala MCA dan Gerakan hanya masing-masing mencatat 12.42% dan 3.15% ( Sankaran & Mohd. Hamdan 1988 : 54 ).

Kemerosotan undi popular kedua-dua buah parti komponen BN itu turut menyebabkannya mengalami prestasi buruk dalam pilihan raya umum. Daripada 32 kerusi Parlimen yang ditandingi, MCA hanya berjaya mempertahankan 17 kerusi sahaja. Apa yang lebih buruk lagi ialah daripada 17 kerusi itu, 10 kerusi merupakan kawasan majoriti pengundi Melayu, 3 kerusi merupakan kawasan campuran, dan hanya 4 kerusi ialah kawasan majoriti pengundi Cina ( Chung 1987 : 108 ). Gerakan turut mengalami prestasi yang buruk dengan memenangi 5 daripada 7 kerusi Parlimen yang ditandingi. Perkembangan ini menunjukkan satu hakikat bahawa DAP sebenarnya lebih layak daripada MCA untuk menjadi wakil masyarakat Cina.

Walau bagaimanapun prestasi buruk parti-parti komponen Cina dalam BN pula tidak menjaskan prestasi keseluruhan BN dalam pilihan raya. Ini adalah kerana UMNO sebagai tunjang BN telah mendapat sokongan padu daripada pengundi-pengundi Melayu. Parti itu memenangi 83 daripada 84 kerusi Parlimen yang ditandinginya, iaitu mencatat kemenangan sebanyak 98.8%. Manakala di kawasan DUN pula, prestasi cemerlangnya dapat diulangi dengan memenangi 228

daripada 241 kerusi ( 94.6% ). Jadual berikut menunjukkan prestasi setiap parti yang bertanding dalam pilihan raya :

Jadual 6.1 Prestasi Parti-Parti Politik dalam Pilihan Raya Umum 1986 ( Parlimen )

Parti	Bilangan Calon	Kemenangan	
		Bil. Kerusi	%
<b>Barisan Nasional</b>			
UMNO	84	83	98.8
MCA	32	17	53.1
MIC	6	6	100
Gerakan	9	5	55.6
Hamim	2	1	50.0
PBB	8	8	100
PBDS	5	5	100
SNAP	5	4	80.0
SUPP	7	4	57.1
USNO	6	5	83.3
PBS	14	10	71.4
Jumlah kecil	178	148	83.6
<b>Parti Pembangkang</b>			
PAS	99	1	1.0
DAP	64	24	37.5
SDP	19	-	0
Berjaya	8	-	0
PRM	4	-	0
Nasma	4	-	0
MOMOGAM	2	-	0
PLUS	2	-	0
Calon Bebas	51	4	7.8
Jumlah kecil	253	29	16.4
<b>Jumlah</b>	<b>431</b>	<b>177</b>	<b>100</b>

Sumber : Sankaran & Mohd. Hamdan 1988 : 51

Sementara itu PAS yang mengetuai pakatan pembangkang dengan harapan tinggi bagi mencabar kekuasaan UMNO pula ditimpa kekalahan yang tidak dijangka.

Parti itu hanya berjaya memenangi satu kerusi Parlimen daripada 99 kerusi yang ditandingi. Di peringkat negeri pula, daripada 265 kawasan DUN yang ditandingi, parti itu hanya memperoleh kemenangan di 15 kawasan, iaitu 10 di Kelantan, 3 di Kedah, dan 2 di Terengganu ( Sankaran & Mohd. Hamdan 1988 : 60 ). Kekalahan ini berkait rapat dengan strategi pilihan raya PAS untuk membentuk satu pakatan pembangkang yang terdiri daripada parti-parti bukan Melayu dan juga CCC. Strategi demikian yang bertujuan meraih undi orang Cina dikatakan bertentangan dengan matlamat perjuangan parti bagi menuju sebuah Negara Islam ( Chung 1987 : 120 ). PAS yang sentiasa menuduh UMNO bekerjasama dengan orang bukan Muslim kini terjebak dalam perangkap sendiri. Hal yang demikian melahirkan kebingungan dan penyisihan orang Melayu dan juga para penyokong terhadap PAS.

### **6.3 Gagasan Sistem Dua Barisan dalam Aksi dan Pilihan Raya Umum 1990**

Dalam pilihan raya umum 1986 BN berjaya mengekalkan 2/3 majoriti dalam Parlimen. Namun kemenangan parti pemerintah itu tidak membawa kestabilan kepada negara dalam tahun-tahun selepas pilihan raya. Malah keadaan sebaliknya telah berlaku di Malaysia. Senario politik Malaysia bergolak dengan mendebaran berikutnya perpecahan dalam UMNO. Manakala hubungan kaum pula merosot dan seakan-akan meruncing ke kancang peletusan semula tragedi 13 Mei. Kegentingan politik Malaysia dapat dikendurkan dengan pelancaran Operasi Lalang pada 27 Oktober 1987. Penangkapan itu yang turut melibatkan pemimpin dan aktivis Huatuan membawa kesan yang mendalam terhadap pergerakan Huatuan. Peristiwa-peristiwa di atas perlu dikupas lantaran ia menyumbang kepada pembabitan Huatuan secara langsung dalam politik pembangkang.

### **6.3.1 Perpecahan UMNO Tahun 1987**

Perebutan kuasa dalam pemilihan di perhimpunan agung UMNO tahun 1987 begitu sengit dan menimbulkan krisis survival kepada parti itu apabila mahkamah tinggi mengisyiharkan UMNO sebagai pertubuhan haram. Dalam pemilihan tersebut kewibawaan Dr. Mahathir telah dicabar oleh bekas Menteri Kewangannya, Tengku Razaleigh. Persaingan yang parah mengakibatkan UMNO berpecah kepada Team A dan Team B. Dalam pertarungan yang penuh mendebarkan itu ahli-ahli UMNO dimobilisasikan ke akar umbi dan apa yang lebih unik ialah dua orang musuh ketat,<sup>5</sup> iaitu Tengku Razaleigh dan Musa Hitam telah bergabung tenaga untuk menumbangkan Dr. Mahathir. Namun di sebalik kehangatan perbalahan itu, sesetengah penganalisis politik berpendapat bahawa perbalahan tersebut pula tidak melibatkan perbezaan pegangan ideologi dan polisi dalam pentadbiran negara (Crouch 1992 : 30 ; Shamsul 1988 : 179).

Dalam keadaan itu maka apakah punca yang menjadi pencetus kepada perebutan kuasa tersebut ? Gomez (1999b : 184) berpendapat persaingan dan perbalahan dalam UMNO berpunca daripada perebutan untuk menguasai sumber ekonomi pada era DEB. Pelaksanaan DEB dengan tunjangan alat pemerintah bagi mencapai cita-cita ekonomi Melayu berjaya melahirkan satu kelas Bourjuis atau usahawan Melayu yang baru. Kelas perniagaan ini mempunyai hubungan rapat dengan elit politik Melayu dan kelahirannya merupakan hasil daripada penaungan (patronage) politik UMNO (Gomez & Jomo 1997 : 25 ; Crouch 1992 : 32).

---

<sup>5</sup> Tengku Razaleigh telah dua kali merebut jawatan timbalan Presiden UMNO yang disandang oleh Musa Hitam, iaitu dalam tahun 1981 dan 1984. Tokoh itu kecundang dalam kedua-dua percubaannya. Akibat kekalahan itu Musa Hitam pernah meminta Dr. Mahathir melucutkan jawatan menteri Tengku Razaleigh, namun Perdana Menteri hanya menukar portfolio Tengku Razaleigh kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian selepas pemilihan tahun 1984.

Dalam hal ini DEB berjaya memainkan peranannya sebagai pembela dan pengubah nasib ekonomi orang Melayu. Namun dasar itu turut menyumbangkan satu impak ketidakstabilan kepada parti UMNO ( Gomez 1999b : 184 ). Akibat amalan penaungan politik itu, elit politik UMNO berupaya memperoleh sokongan daripada ahli-ahli di pelbagai peringkat parti. Hal ini demikian kerana penguasaan kerajaan terhadap sumber ekonomi negara membolehkan para elit tersebut mengagihkan lesen, kontrak, tender atau konsesi-konsesi kerajaan kepada ahli-ahli UMNO demi peningkatan kedudukan mereka dalam parti. Dengan keadaan itu maka fenomena politik wang menjadi leluasa dalam UMNO dan ini berkait rapat atau lebih tepat lagi merupakan natijah daripada pelaksanaan DEB ( Shamsul 1986 : 244 ).

Amalan penaungan politik dan politik wang menyebabkan jawatan parti dalam UMNO di semua peringkat menjadi rebutan. Ini adalah kerana jawatan-jawatan di peringkat tempatan seperti di bahagian dan cawangan turut memperoleh pelbagai faedah, terutamanya daripada pemimpin-pemimpin yang ingin bertanding di peringkat pusat. Hal yang demikian mendorong ahli-ahli UMNO melihat jawatan dalam parti sebagai jalan pintas bagi mendapatkan kekayaan. Umpamanya dalam tahun 1995 dilaporkan hampir 20% daripada 165 orang pengurus bahagian UMNO merupakan ahli politik dan usahawan yang mencapai status jutawan ( Gomez & Jomo 1997 : 26 ).

Perkembangan demikian sudah pasti menyumbang kepada perebutan kuasa dalam parti UMNO. Perbalahan dan perebutan kuasa dalam UMNO dekad 80-an mula tercetus dengan peletakan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri secara

mendadak oleh Musa Hitam pada 26 Februari 1986.<sup>6</sup> Pemimpin itu berbuat demikian atas alasan tidak lagi dipercayai oleh Dr. Mahathir dan dituduh terlibat dalam komplot memburuk-burukkan Perdana Menteri bagi menjatuhkannya ( Chamil 1988 : 96 ; Khoo 1995 : 229 ). Walau bagaimanapun beberapa orang penganalisis politik berpendapat alasan itu bukan punca sebenar, sebaliknya keputusan Dr. Mahathir melantik Tengku Razaleigh sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam tahun 1984 menjadi pencetus kepada kemelut itu. ( Ahmad Nazri 1993 : 61 ; Chamil 1988 : 91 ).

Dalam hal ini Musa Hitam sebenarnya pernah menghantar dua pucuk surat yang bertarikh 5 Julai 1984 dan 31 Juai 1984 kepada Perdana Menteri untuk membantah pelantikan Tengku Razaleigh sebagai menteri.<sup>7</sup> Dalam tanggapan Musa Hitam, pelantikan musuhnya ke jawatan menteri itu bakal menyukarkan laluannya untuk menjadi Presiden parti. Dengan jawatan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh boleh menggunakan kuasanya bagi mengukuhkan pengaruh politiknya melalui pemberian permit, lesen, saham, pengambilalihan syarikat dan sebagainya ( Ahmad Nazri 1993 : 59 ). Sementara itu, Menteri Kewangan pula disandang oleh Daim Zainuddin, seorang penyokong kuat Dr. Mahathir. Dengan perkembangan ini maka Musa Hitam tidak memiliki apa-apa

---

<sup>6</sup> Pada asalnya Musa Hitam meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan juga Timbalan Presiden UMNO. Namun selepas pujukan oleh satu delegasi Majlis Tertinggi UMNO, beliau hanya bersetuju untuk kekal sebagai Timbalan Presiden UMNO atas alasan beliau dipilih ke jawatan itu oleh ahli-ahli UMNO.

<sup>7</sup> Dalam surat kedua yang dihantar selepas rombakan kabinet, Musa menyatakan keberatan hati, kekecewaannya terhadap pelantikan Tengku Razaleigh dan memberi notis setahun kepada Perdana Menteri bahawa beliau akan melepaskan jawatan Timbalan Perdana Menteri mulai 1 Ogos 1985, lihat Ahmad Nazri ( 1993 : 61 ).

manfaat untuk ditawarkan kepada para penyokongnya dan ini sudah pasti akan menghakis pengaruhnya dalam parti.

Chamil Wariya ( 1988 : 91 ) menganggap Musa Hitam sebenarnya bermain politik dalam isu peletakan jawatannya dan tokoh itu tidak berniat untuk bersara daripada politik. Tindakan itu dilihat sebagai tekanan politik kepada Dr. Mahathir yang sedang bergelut dengan kemelesetan ekonomi dan juga bersiap sedia dalam menghadapi pilihan raya umum yang dijadualkan pada pertengahan tahun 1986.

Huraian ini jelas menunjukkan betapa pentingnya penguasaan sumber ekonomi terhadap kerjaya politik pemimpin UMNO. Fenomena ini merupakan manifestasi daripada penaungan politik yang telah menjadi budaya politik dalam UMNO. Elit politik UMNO juga menyedari bahawa penguasaan sumber tersebut hanya dapat dilakukan dengan memiliki jawatan penting dalam parti UMNO dan kerajaan. Dengan perkembangan ini maka perebutan kuasa dalam UMNO semakin sengit dan parah. Perbalahan dan perpecahan UMNO dalam tahun 1987 membuktikan hakikat ini.

Apabila Dr. Mahathir melantik tokoh veteran, Ghafar Baba ke jawatan Timbalan Perdana Menteri dan kemenangan besar BN, khususnya UMNO dalam pilihan raya umum pada Ogos 1986, kedudukan Perdana Menteri menjadi kukuh dan mantap. Oleh itu usaha Musa Hitam untuk memberi tekanan politik kepada pemimpin tertinggi itu ternyata menemui kegagalan. Perkembangan demikian memaksa Musa Hitam berpaktat dengan musuh ketatnya, Tengku Razaleigh bagi mencabar pimpinan Dr. Mahathir-Ghafar Baba di pemilihan perhimpunan agung

tahun 1987 dan ini merupakan jalan terakhir untuk melangsungkan survival politiknya.

Pertarungan antara Team A dan Team B dicatat dalam lipatan sejarah UMNO sebagai paling sengit dan parah. Dr. Mahathir dan Ghafar Baba masing-masing menewaskan pencabar mereka ( Tengku Razaleigh dan Musa Hitam ) dengan kelebihan undi yang tipis, iaitu 43 dan 40 undi.<sup>8</sup> Akibat pertarungan yang sengit, Dr. Mahathir mengamalkan prinsip “winner takes all” selepas pemilihan itu dengan menyingkirkan semua menteri dan timbalan menteri dari Team B. Perbalahan antara kedua-dua puak itu tidak reda dengan keputusan muktamad pemilihan. Sebelas orang penyokong Tengku Razaleigh ( Kumpulan 11 ) kemudiannya membawa kes pemilihan itu ke mahkamah pada 25 Jun 1987 dengan mendakwa bahawa perhimpunan agung pada 24 April 1987 itu tidak sah kerana 53 buah cawangan UMNO yang tidak berdaftar turut menyertai proses pemilihan ( Ahmad Nazri 1993 : 70 ).

Perbicaraan permohonan Kumpulan 11 di mahkamah tinggi berakhir dengan satu keputusan yang menggemparkan. Hakim Harun Hashim dalam menjatuhkan hukuman pada 4 Februari 1988 telah mengisyiharkan UMNO sebagai pertubuhan haram. Namun sebagai tokoh politik yang pernah mengharungi berbagai-bagai dugaan politik, Dr. Mahathir berkeyakinan dalam mengorak langkah bagi menghadapi krisis yang genting itu. Pemimpin tertinggi itu memilih untuk

---

<sup>8</sup> Huraian terperinci tentang pemilihan UMNO itu tidak dibincang di sini. Perbincangan yang mendalam boleh didapati daripada Shamsul ( 1988 ) dan Crouch ( 1992 ).

menubuhkan UMNO Baru<sup>9</sup> dan permohonan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan pada 15 Februari 1988 serta dibenar menggunakan singkatan UMNO sahaja ( Ibid. : 72 ). Tindakan itu merupakan satu strategi bijak kerana melalui cara itu permohonan keahlian para penyokong Team B akan ditapis dan disingkir dari UMNO Baru. Dengan ini parti baru itu bebas dari penentang-penentang Dr. Mahathir di samping dapat mewarisi segala aset UMNO lama.

Dalam pada itu Tengku Razaleigh dan para penyokongnya terus berusaha menghidupkan UMNO lama. Kes rayuan yang dikemukakan oleh mereka ke Mahkamah Persekutuan menemui kegagalan apabila Ketua Hakim Negara Salleh Abbas yang dijadualkan mendengar kes tersebut bersama 8 orang hakim Mahkamah Persekutuan dipecat oleh Yang di Pertuan Agung.<sup>10</sup> Selanjutnya tindakan Tengku Razaleigh mengemukakan rang undang-undang persendirian di Parlimen pada 7 Disember 1988 bagi memulihkan UMNO lama turut kecundang. Berikutan itu alternatif terakhir untuk Tengku Razaleigh dan para penyokongnya ialah menubuhkan parti baru bagi melangsungkan perjuangan politik mereka. Maka parti Semangat 46 pun ditubuhkan secara rasmi pada 5 Jun 1989 sebagai parti alternatif kepada UMNO.

---

<sup>9</sup> Sebelum penubuhan UMNO Baru, Dr. Mahathir dan kumpulannya telah mengemukakan permohonan kepada Pendaftar Pertubuhan untuk menubuhkan UMNO 88. Manakala Team B dengan sokongan Tunku Abdul Rahman pula memohon bagi menubuhkan UMNO Malaysia. Bagaimanapun kedua-dua permohonan itu telah ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan atas alasan nama UMNO masih belum dikeluarkan daripada senarai daftar pertubuhan.

<sup>10</sup> Menurut pentadbiran Dr. Mahathir, Salleh Abbas dipecat kerana tingkah lakunya yang tidak sesuai dengan menghantar surat kepada Yang di Pertuan Agung dan raja-raja Melayu. Namun ramai penganalisis politik berpendapat bahawa pemecatan itu berkait rapat dengan kes rayuan UMNO di Mahkamah Persekutuan. Sebelum itu Salleh Abbas telah mengarahkan kesemua 9 orang hakim Mahkamah Persekutuan mendengar kes rayuan itu pada 13 Jun 1988. Dr. Mahathir dikatakan bimbang dan risau kerana keputusan pengadilan itu mungkin tidak menyebelahinya dan UMNO lama dapat dihidupkan. Untuk keterangan lanjut tentang isu ini, lihat Salleh Abbas & Das ( 1990 ).

Pertarungan gergasi politik UMNO, Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh membawa kegemparan dan impak kepada percaturan politik Malaysia. Dalam usaha mencari pengaruh dan menangani perpecahan orang Melayu, pihak-pihak terbabit telah lantang melaungkan hak dan kepentingan orang Melayu yang seterusnya menyumbang kepada ketegangan hubungan kaum menjelang Operasi Lalang.

Keadaan ini berlaku lantaran :

What it amounted to was that all of the top Malay leaders, feeling insecure and defensive, were constrained in their ability to make ethnic compromises because of the fear of being labelled as ‘soft’ conciliators and not as sufficiently ‘tough’ Malay protectors. The easiest way to secure support from the rural Malays in intraethnic competition was still to appeal to Malay nationalist emotions by invoking anti-Chinese rhetoric.

( Mauzy 1993 : 114 )

### **6.3.2. Isu Penempatan Pentadbir SJK(C) dan Operasi Lalang**

Semasa UMNO menghadapi perebutan kuasa dan perbalahan parah, Malaysia turut dilanda isu penempatan pentadbir di SJK( C ) dalam tahun 1987 ( lihat perbincangan dalam Bab IV ). Isu penempatan ini sebenarnya merupakan masalah pendidikan yang boleh ditangani secara profesional oleh pegawai-pegawai pendidikan. Secara rasionalnya permintaan masyarakat Cina supaya pentadbir-pentadbir SJK( C ) memiliki kelayakan bahasa Cina adalah logikal dan munasabah. Ini adalah kerana SJK( C ) ialah salah satu aliran dalam sistem pelajaran kebangsaan dan dibenarkan penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dan bahasa pentadbirannya. Ciri-ciri itu merupakan identiti kepada jenis sekolah tersebut.

Penempatan pentadbir-pentadbir tanpa kelayakan bahasa Cina akan merencatkan perjalanan sekolah tersebut.

Namun perkembangan isu penempatan itu menjadi satu isu yang menimbulkan ketegangan hubungan kaum yang genting memang di luar jangkaan. Ini mendorong Lim Kit Siang, ketua pembangkang pada waktu itu merumuskan bahawa isu itu telah dijadikan titik pencetus kepada konfrontasi antara orang Melayu dan Cina ( DAP 1988 : 119 ). Akibat agitasi parti-parti politik, isu itu memang berkembang ke arah pertentangan dan pertembungan antara dua kaum yang terbesar di Malaysia. Kecenderungan ini memang dapat dilihat selepas penganjuran perhimpunan di tokong Thean Hou, Kuala Lumpur pada 11 Oktober 1987 yang memperlihatkan penyatuan kuasa orang Cina dalam memperjuangkan isu tersebut. Tetapi tindakan itu mengundang reaksi penentangan yang lebih hebat daripada orang Melayu melalui penganjuran satu perhimpunan raksasa oleh Pemuda UMNO pada 17 Oktober 1987, di mana slogan-slogan antiorang Cina yang membayangkan rusuhan kaum telah dilaungkan :

“ANWAR DO NOT BE SCARED OF THE CHINESE’

“MAY 13 HAS BEGUN”

“SOAK IT ( KRIS ) WITH CHINESE BLOOD”

( Das & Suaram 1989 : 134-135 )

Dengan suasana yang demikian, ancaman rusuhan kaum mula menjelma pada waktu itu. Bagaimanapun kerajaan pimpinan Dr. Mahathir menggunakan kuasa autoritarian untuk melancarkan Operasi Lalang yang seterusnya meredakan

kegentingan itu. Tangkapan secara besar-besaran di bawah akta ISA melibatkan ahli-ahli politik dari parti pemerintah dan pembangkang, aktivis sosial, ahli akademik, golongan agama, dan aktivis pendidikan Cina.<sup>11</sup> Pejuang pendidikan Cina yang ditahan terdiri daripada Lim Fong Seng, Sim Mow Yu, Tuang Pik King, dan Kua Kia Soong. Keempat-empat mereka dikenakan perintah tahanan ( Detention Order ) selama dua tahun.

Dalam Kertas Putih yang dikeluarkan oleh kerajaan tentang Operasi Lalang, pihak kerajaan menuduh persatuan-persatuan Cina telah mengeksplorasi beberapa isu sensitif dan perkauman yang menyebabkan ketegangan hubungan kaum dalam tahun 1987. Antara persatuan Cina yang dianggap sebagai kumpulan pendekar ekstremis dan dipertanggungjawabkan dalam tuduhan itu ialah Dongzong, Jiaozong, dan DPCS ( Ibid. : 128 ).

Pertubuhan-pertubuhan itu dipersalahkan kerana mengemukakan dua buah dokumen tuntutan kontroversial, iaitu Memorandum Kebudayaan Kebangsaan yang dianggap telah mempersoalkan kedudukan kebudayaan Melayu sebagai asas kebudayaan kebangsaan ; manakala dokumen PBPCM pula dibidas kerana menyatakan golongan bukan Melayu telah ditindas dalam bidang politik, ekonomi, dan budaya serta mempersoalkan status beberapa bahasa yang dipersetujui sebelum merdeka ( Ibid. : 133 ). Selain itu ketiga-tiga Huatuan itu juga dikatakan terlibat dalam pengeksplorasian isu penempatan pentadbir SJK( C ).

---

<sup>11</sup> Seramai 107 orang telah ditangkap dalam operasi tersebut. Untuk maklumat terperinci tentang individu-individu yang ditahan dan tarikh mereka dibebaskan dari tahanan, lihat Das & Suaram ( 1989 : 113-122 ).

Tangkapan pemimpin dan aktivis Huatuan dalam Operasi Lalang menimbulkan reaksi dan bantahan hebat masyarakat Cina . Pada 6 Februari 1988 lapan belas buah Huatuan utama di Malaysia telah menghantar memorandum bantahan kepada kerajaan.<sup>12</sup> Dalam memorandum itu tuduhan-tuduhan terhadap pembabitan Dongzong, Jiaozong, dan DPCS dalam menyebabkan kegentingan hubungan kaum dijawab dengan terperinci. Mereka menganggap perjuangan memelihara kepentingan komuniti Cina yang dilakukan oleh Huatuan tersebut merupakan hak-hak yang terjamin dalam perlembagaan Malaysia dan mereka tidak mengeksplorasikan isu-isu sensitif, sebaliknya kerajaanlah harus dipertanggungjawabkan dalam kewujudan beberapa isu sensitif ( Ibid. : 80-84 ). Dalam hal ini pemimpin-pemimpin Huatuan yang ditangkap itu menganggap mereka ditahan secara tidak adil dan hal yang demikian menyebabkan mereka begitu nekad dalam meneyertai parti pembangkang selepas mereka dibebaskan dari Kem Tahanan Kamunting.

### **6.3.3 Penyertaan Pemimpin dan Aktivis Huatuan dalam DAP**

Pergolakan dan cabaran-cabaran yang menjelma di Malaysia pada dekad 80-an mendorong pentadbiran Dr. Mahathir mengaplikasikan kaedah autoritarian untuk menanganinya ( Crouch 1992 ; Khoo 1995 ). Amalan authoritarianisme mencapai kemuncaknya dalam Operasi Lalang. Keadaan ini berlaku kerana terdapat pemasatan kuasa di tangan elit politik Melayu, terutamanya di tangan Dr. Mahathir. Operasi Lalang telah mencetuskan satu kesedaran di kalangan pemimpin dan aktivis Huatuan bahawa pemasatan kuasa UMNO tersebut perlu dikekangi supaya pemerintah akan lebih demokratik dan adil kepada semua kaum.

---

<sup>12</sup> Untuk keterangan lanjut tentang memorandum itu, lihat Das & Suaram ( 1989 : 80-84 ).

Dengan kesedaran itu maka 27 orang pemimpin dan aktivis Huatuan mengambil keputusan untuk menyertai DAP pada 18 Ogos 1990. Antara pemimpin penting yang berbuat demikian ialah Lim Fong Seng, Kua Kia Soong, Lee Ban Chen, Yang Pei Keng, Ngeow Yin Ngee, dan Ng Wei Siong. Para pemimpin itu telah melepaskan jawatan Huatuan yang disandang oleh mereka sebelum mengambil tindakan drastik tersebut. Penyertaan kumpulan itu pada kali ini bertunjangkan slogan "Kuatkan Parti Pembangkang Wujudkan Sistem Dua Barisan". Oleh itu hasrat mereka adalah jelas, iaitu mewujudkan satu sistem / mekanisme pengekangan terhadap hegemoni BN yang didukungi UMNO. Ini dapat dilihat dalam kenyataan bersama mereka yang diumumkan pada 18 Ogos 1990 :

Kami berpendapat dominasi UMNO terhadap regim BN menyebabkanya menuju ke arah autokrasi dan autoritarian, penyelewengan dan rasuah serta komunalisme ... Kami percaya di bawah kehegemonian BN, jika kita ingin memulihkan demokrasi, hak asasi manusia, dan kebebasan sistem kehakiman, kita perlu memperkasakan parti dan barisan pembangkang demi mencapai pengekangan kuasa serta memberi alternatif baru kepada pengundi ... Hanya dengan memperkuuh parti pembangkang dan merealisasikan Gagasan Dua Barisan, hak dan aspirasi rakyat baru dapat ditegakkan, sistem demokrasi di negara kita barulah menepati maksud sebenarnya.

( Huazi Resource & Research Centre 1990 : 293 )

Menurut Sim Mow Yu, pengurus Jiaozong dan tahanan Operasi Lalang, tindakan menyertai parti pembangkang diambil kerana Huatuan telah berjuang berpuluh-puluh tahun tetapi kerajaan masih enggan menerima cadangan mereka (*Sin Chew Jit Poh* 21.8.1990). Perjuangan tersebut bertujuan mencapai kesamarataan hak bagi semua kaum di Malaysia. Walaupun usaha perjuangan itu dilakukan tanpa

henti-henti namun hak dan kepentingan masyarakat Cina terus terhakis akibat daripada kehegemonian politik Melayu. Pembabitan Huatuan dalam politik pembangkang pada kali ini menandakan kemuncak kekecewaan dan keputusasaan terhadap kerajaan BN. Keadaan demikian turut menyebabkan pengurus Jiaozong menganggap tindakan itu sebagai “satu jenis pemberontakan hak sivil dan revolusi demokrasi” ( Ibid. ).

Tindakan nekad para pendukung Huatuan itu memanifestasikan keseriusan dan keiltizaman para pemimpinnya dalam menuntut kesamarataan dan kebebasan seperti yang dijamin oleh hak sivil rakyat di bawah sistem demokrasi. Dalam hal ini Operasi Lalang telah menjadi pencetus dan memangkin kepada tindakan nekad tersebut. Ini dapat dilihat dalam kata-kata seorang pendukungnya yang berbunyi “We can say that if Operation Lalang had not happened in 1987, our entry into the DAP would not have happened” ( Kua 1996 : 4 ).

Di samping itu perpecahan UMNO tahun 1987 dan kelahiran Semangat 46 juga menyumbang kepada penyertaan kumpulan itu dalam DAP. Dengan perpecahan itu, pemusatku kuasa di tangan UMNO akan terjejas. Mereka yakin kemunculan Semangat 46 pula dapat menyempurnakan gagasan Sistem Dua Barisan yang diperkenalkan oleh Huatuan dalam tahun 1986 dan seterusnya menjadi kuasa pengekang kepada hegemoni UMNO. Keyakinan ini dapat dilihat dalam kata-kata Kua Kia Soong :

Sejak UMNO menghadapi krisis kepimpinan dan lahirnya Semangat 46, konsep Sistem Dua Parti ( Barisan ) menjadi lebih jelas dibandingkan dengan

kerjasama pembangkang yang wujud sebelum ini⋯⋯. Matlamat ini mendapat persetujuan pembangkang kerana Semangat 46 telah membuktikan perjuangannya tidak terlalu kemelayan dalam memperjuangkan fahaman mereka.

( *Watan* 28.8.1990, dipetik dalam Sia 1997 : 261 )

Penyertaan para pemimpin dan aktivis Huatuan dalam DAP menimbulkan reaksi dan kecaman yang hebat di kalangan pemimpin BN. Dr. Mahathir dilaporkan membuat kenyataan pada 20 Ogos 1990 bahawa pihak aktivis gerakan pendidikan Cina baru-baru ini menghantar surat untuk meminta supaya bahasa Cina dijadikan bahasa rasmi negara<sup>13</sup> dan seterusnya menuduh mereka sebagai ekstremis dalam masyarakat Cina ( *Malayan Thung Pau* 27.8.1990 ). Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba pula membidas tindakan kumpulan itu akan menyumbang kepada konfrontasi antara kaum Melayu dan Cina ( *Ibid.* 23.8.1990 ). Presiden MCA, Dr. Ling Liong Sik menyelar tindakan itu sebagai bertentangan dengan laungan perjuangan mereka ( *Sin Chew Jit Poh* 22.8.1990 ). Para pemimpin Huatuan itu juga dikecam oleh Dr. Lim Keng Yek sebagai oportunistis yang bersikap individualistik ( *Sin Min Jit Poh* 13.8.1990 ). Salah seorang aktivis Huatuan, Lee Ban Chen menganggap tuduhan dan kecaman tersebut merupakan taktik tidak bertanggungjawab dan perkauman yang lazim digunakan oleh BN. Dari reaksi-reaksi hebat para pemimpin BN itu maka dapat dirumuskan bahawa tindakan kumpulan itu, menampilkan satu kejutan dan gugatan kepada kekuasaan BN yang mendorong parti pemerintah bertungkus-lumus untuk menekan mereka.

---

<sup>13</sup> Pemimpin-pemimpin Huatuan menganggap tuduhan itu sebagai satu pembohongan kerana isu bahasa kebangsaan telah menjadi isu sensitif yang tidak boleh diungkit sejak tahun 1971 dan mereka meminta Perdana Menteri mengeluarkan surat itu sebagai bukti, lihat *Nanyang Siang Pau*, 22.8.1990 dan *Malayan Thung Pau*, 23.8.1990.

#### **6.3.4 Gagasan Sistem Dua Barisan dan Pembentukan Barisan Pembangkang**

Persaingan yang sentit dan parah di pemilihan perhimpunan agung UMNO tahun 1987 menyebabkan dua gergasi politik, iaitu Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh bermusuhan. Permusuhan itu semakin meningkat apabila Tengku Razaleigh gagal dalam semua usahanya bagi menghidupkan semula UMNO. Dalam keadaan ini pemimpin itu terdesak untuk menerajui Semangat 46 ke arah menguasai proses politik negara demi menumbangkan kerajaan BN pimpinan Dr. Mahathir ( Hari Singh 1991 : 722 ). Platform yang satu-satunya untuknya berbuat demikian ialah melalui pilihan raya umum dan oleh itu pertarungan tersebut bakal menyuguhkan kehebatan. Kecenderungan ini dapat dilihat menerusi kata-kata Rais Yatim yang menyifatkan tindakannya menyokong Tengku Razaleigh sebagai membakar jambatan yang menghubunginya dengan Dr. Mahathir ( Chamil 1988 : 117 ).

Sebagai sebuah parti alternatif kepada UMNO, Tengku Razaleigh menyedari bahawa Semangat 46 perlu menggembeleng dan menggabungkan semua kumpulan pembangkang dalam menghadapi kekuasaan pentadbiran Dr. Mahathir. Hal yang demikian mendorong tokoh itu berusaha dengan gigih lagi bagi membentuk satu barisan pembangkang. Perpecahan UMNO telah menyebabkan sokongan orang Melayu terhadap parti itu terjejas dan Semangat 46 muncul menjadi parti penerima peralihan sokongan tersebut. Keadaan demikian menyediakan satu senario yang kondusif bagi pembentukan barisan pembangkang.

Beberapa pilihan raya kecil yang berlangssung antara tahun 1988 dan 1990 menunjukkan populariti BN mengalami kemerosotan. Dari 9 pilihan raya kecil yang

diadakan itu BN telah tewas dalam 2 kawasan dan di kawasan DUN Tanjung Puteri dan Parit Raja, calon BN hanya menang dengan undi majoriti yang tipis, iaitu 31 dan 413 undi ( lihat jadual di bawah ). Manakala di kawasan Parlimen Johor Bahru yang kerusinya sengaja dikosongkan oleh Sharir Abdul Samad ( pemimpin Team B ) dimenangi semula dengan majoriti yang banyak ( 12,613 undi ) oleh bekas menteri itu. Sharir bukan sahaja mendapat sokongan orang Melayu malah pengundi-pengundi Cina yang dimobilisasikan oleh DAP turut menyokongnya. Namun di kawasan Parlimen Ampang Jaya, calon Semangat 46, Harun Idris<sup>14</sup> pula tewas di tangan Ong Tee Kiat, calon MCA. Jadual di bawah menunjukkan keputusan terperinci pilihan-pilihan raya kecil tersebut :

**Jadual 6.2 Keputusan Pilihan-Pilihan Raya Kecil ( DUN & Parlimen )  
Dalam Tempoh 1988 – 1990**

Nama Kawasan	Tarikh	Undi BN	Undi Pembangkang	Majoriti
Tanjung Puteri (DUN)	Mac 1988	10,181 – menang	10,150 - PRM	31
Johor Bahru (P)	Ogos 1988	10,968 – kalah	23,581 - S 46	12,613
Parit Raja (DUN)	Okt. 1988	7,262 – menang	6,849 - S 46	413
Ampang Jaya (P)	Jan. 1989	23,719 – menang	19,469 - S 46	4,250
Bentong (P)	Mc 1989	17,401 – menang	8,895 - DAP	8,506
Teluk Pasu (DUN)	Jun 1989	3,530 – kalah	3,671 - PAS	141
Tambatan (DUN)	Ogos 1989	7,598 – menang	6,523 - S 46	1,075
Pantai Merdeka (P)	Mac 1990	10,384 – menang	6,975 - PAS	3,409
Kijal (DUN)	Ogos 1990	3,658 - menang	1,969 - S 46	1,689

Sumber : Thock ( 1994 : 269 )

<sup>14</sup> Tokoh itu merupakan seorang ahli politik yang kontroversial. Selain dipenjarakan oleh pentadbiran Hussein Onn atas tuduhan rasuah, masyarakat Cina di Malaysia mempunyai pandangan yang negatif terhadapnya kerana menganggap ia berperanan dalam mencetuskan rusuhan kaum 1969.

Keputusan pilihan-pilihan raya kecil di atas, terutamanya selepas kemenangan pertama calon Angkatan Perpaduan Ummah ( APU ) dari PAS di kawasan DUN Teluk Pasu memberi keyakinan kepada Semangat 46 dan PAS untuk menumpaskan BN dalam pilihan raya umum. Ini dapat dilihat dalam hujah yang dikemukakan oleh Semangat 46 :

Cabaran terhadap BN bukanlah satu impian sebagaimana yang terbukti dalam pilihan raya kecil baru-baru ini dan dalam pilihan raya umum 1986 di mana majoriti rakyat bukan Melayu tidak menyokong BN. Apabila trend ini berterusan sehingga pilihan raya umum akan datang, BN tidak dapat berkuasa semula.

( Sia 1997 : 277 )

Sementara itu keputusan pilihan raya kecil di kawasan Johor Bahru dan Ampang Jaya menunjukkan bahawa dalam pertarungan sengit antara colon UMNO dan Semangat 46, undi orang Cina adalah penting dan menjadi penentu kepada kemenangan seseorang calon ( Crouch 1992 : 34 ). Ini menampilkkan satu hakikat bahawa Semangat 46 memerlukan DAP dalam membentuk satu barisan pembangkang yang berkesan bagi memberi saingan hebat kepada BN. Malah Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh membuat kenyataan bahawa "tanpa kerjasama DAP, Angkatan Perpaduan Ummah tidak akan berjaya dalam pilihan raya umum akan datang" ( Zakry 1990a : 14 ). Bagaimanapun DAP tidak ingin menyertai pakatan pembangkang yang turut disertai PAS kerana menentang perjuangan PAS untuk membentuk Negara Islam di Malaysia.

Dalam keadaan ini maka pada mulanya Semangat 46 hanya berjaya membentuk APU dalam bulan Mei 1989 dengan dianggotai parti-parti yang berasaskan Islam, iaitu PAS, Hamim, dan Berjasa. Usaha Tengku Razaleigh dalam memujuk DAP untuk menyertai pakatan pembangkang berjaya akhirnya pada saat genting, iaitu sehari selepas penamaan calon pilihan raya umum 1990 yang berlangsung pada 11 Oktober 1990. Namun pakatan yang dibentuk merupakan entiti politik yang berasingan daripada APU, iaitu Gagasan Rakyat. Pakatan itu dianggotai Semangat 46, DAP, PRM, All Malaysia Indian Progressive Front ( AMIPF ), dan Malaysian Solidarity Party ( MSP ).

Dengan perkembangan itu Tengku Razaleigh sudah berjaya menggembangkan semua kuasa politik pembangkang ke dalam dua pakatan yang berbeza tetapi saling berhubungan dan memperkasakan kekuatan mereka. Dalam hal ini satu transformasi senario politik Malaysia telah berlaku dengan kejayaan tokoh itu membentuk perikatan multietnik yang berperanan sebagai alternatif kepada BN ( Khong 1991 : 3 ). Pakatan pembangkang yang dibentuk dengan berslogarkan Sistem Dua Barisan menjadikan BN sebagai sasaran mobilisasi politik dan penentangan.

Penggembangan kuasa politik pembangkang yang tuntas ke dalam dua pakatan yang saling berhubungan menampilkkan satu cabaran yang begitu mengugat kepada BN. Gagasan Sistem Dua Barisan yang diperjuangkan oleh aktivis Huatuan dan pakatan pembangkang dalam pilihan raya umum kali ini mengajukan satu sistem alternatif yang mampu menawan hati rakyat. Menyedari hakikat itu, Dr. Mahathir berusaha melumpuhkan gagasan tersebut dengan menyatakan bahawa pengamalan Sistem Dua Barisan akan menghancurkan negara Malaysia ( *Berita Harian* 14

Oktober 1990 ). Gugatan yang hebat ini menyebabkan Dr. Mahathir amat berhati-hati dalam memilih ketika yang paling sesuai bagi melangsungkan pilihan raya umum 1990. Hal yang demikian dapat dibuktikan melalui hakikat pemimpin tertinggi itu mengadakan lawatan ke seluruh negara sebanyak tiga kali sebelum membubarkan Parlimen pada 5 Oktober 1990 ( Khong 1991 : 4 ).

### **6.3.5 Pembabitan Huatuan dalam Pilihan Raya Umum 1990**

Penglibatan Huatuan dalam pilihan raya umum 1990 memperlihatkan mobilisasi politik yang tidak pernah berlaku dalam sejarah pergerakan Huatuan di Malaysia. Hal ini berlaku kerana para pemimpin Huatuan beranggapan bahawa pilihan raya umum kali ini merupakan peluang keemasan untuk rakyat merealisasikan Sistem Dua Barisan bagi mengekang hegemoni BN / UMNO. Kalau pengekangan ini berjaya maka kerajaan akan bersikap lebih adil, demokratik, dan responsif terhadap hak dan kepentingan rakyat pelbagai kaum, terutamanya kaum Cina. Dengan ini berbagai-bagai dilema dan permasalahan yang sudah sekian lama melanda masyarakat Cina dapat ditangani dengan berkesan. Kesedaran yang terjelma itu menyebabkan Huatuan dan para aktivisnya dari setiap peringkat membuat keputusan nekad bagi menerjuni kancah pilihan raya umum.

Selain kumpulan aktivis Huatuan yang menyertai DAP, pemimpin-pemimpin Huatuan lain yang kekal dalam persatuan Cina turut melibatkan diri dalam perjuangan ke arah pembentukan Sistem Dua Barisan melalui pelbagai cara. Persatuan peneraju Cina pada waktu itu, 15 Huatuan dalam satu mesyuarat yang berlangsung di Seremban pada 29 September 1990 telah mengumumkan sebuah dokumen tuntutan yang berjudul *Permintaan Huatuan dalam Pilihan Raya Umum*

1990.<sup>15</sup> Pada dasarnya dokumen itu mengulangi pandangan asas dan tuntutan PBPCM ( Yang 1996 : 187 ). Menurut CRC, tindakan itu adalah perlu menjelang pilihan raya umum atas alasan di bawah :

Pilihan raya umum 1986 telah memberi satu pengajaran kepada kami bahawa janji kosong dan sokongan mulut parti-parti politik terhadap PBPCM tidak boleh dpercayai lagi. Oleh itu, demi memastikan nilai undi dalam pilihan raya akan datang, kami meminta semua parti politik menyatakan pendirian mereka berhubung dengan permintaan-permintaan kami yang sampai kini masih belum ditunaikan serta membuat jaminan yang menyakinkan kami.

( Sia 1997 : 283 )

Dokumen permintaan itu merangkumi isu-isu politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, dan pendidikan negara dan disusun dalam 26 perkara. Antara 26 permintaan yang tersenarai ialah :

1. Di samping menyokong hak keistimewaan orang Melayu seperti termaktub dalam Perlembagaan, kami menentang dasar-dasar politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, dan pendidikan yang hanya menguntungkan minoriti golongan atasan, serta membezakan rakyat Malaysia antara Bumiputera dan bukanBumiputera,
2. Operasi Lalang 1987 yang dilancarkan oleh kerajaan BN membongkar-kank ISA telah disalahgunakan sebagai alat untuk menekan aktivis-aktivis demokrasi. Ini telah melanggar hak asasi manusia dan tidak mendapat sokongan rakyat. Oleh itu, akta itu harus dikaji semula atau dimansuhkan,
3. Menyokong Perlembagaan Persekutuan mengenai pengagihan kuasa demi mempertahankan kebebasan kehakiman dan memastikan Ketua Hakim Negara tidak dipecat oleh badan eksekutif dengan mudah,

---

<sup>15</sup> Dokumen itu merupakan hasil kerja CRC Selangor yang telah diamanahkan oleh CRC untuk menggubahnya dalam bulan April tahun 1990. Nama asal dokumen itu sebelum perbahasan dan kelulusan 15 Huatuan ialah Perisyarthan Bersama Huatuan 1990.

4. Memansuhkan ISA, mengkaji semula Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak Penerbitan, Akta Universiti dan kolej Universiti, Akta Pertubuhan dan Akta-akta lain yang mencabuli hak asasi manusia, serta menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan berhimpun,
5. Menentang tindakan meminda Perlembagaan dengan sesuka hati. Kerajaan harus meminta pendapat dan pandangan rakyat sebelum meminda undang-undang atau Perlembagaan yang akan menjelaskan kebebasan dan hak asasi manusia,
6. Menentang dengan penuh azam tentang pembentukan Negara Islam ; mempertahankan sifat sekular sistem politik negara Malaysia,
7. Melaksanakan ekonomi negara yang tidak membezakan antara kaum, bertujuan membasmi kemiskinan dan membangunkan perindustrian tempatan sebagai gantian kepada DEB bagi menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum,
8. Menghapuskan sistem kuota perkauman dalam DEB dan menggantikan dengan kriteria keperluan dan pencapaian. Semua rakyat yang miskin harus diberi bantuan khas bagi mengurangkan jurang perbezaan antara yang berada dengan yang tidak berada,
9. Mengurangkan pemonopolian dalam perusahaan-perusahaan awam bagi mewujudkan sistem ekonomi bebas. Penswastaan tidak patut dimonopolikan oleh parti-parti politik atau syarikat-syarikat asing dan perbadanan raksasa sahaja ; semua rakyat harus diberi peluang yang sama untuk melibatkan diri dalam proses penswastaan. Akan tetapi, utiliti sosial seperti perkhidmatan perubatan dan perkhidmatan kemudahan infrastruktur tidak boleh diswastakan,
10. Merancang dan melaksanakan dasar tanah dan pertanian yang berkesan untuk membolehkan petani memiliki tanah yang cukup luas. Skim pembukaan tanah baru hendaklah diagihkan kepada petani yang betul-betul memerlukannya dengan adil dan saksama tanpa mengira kaum,
11. Bagi menjamin hak dan kepentingan pekerja, satu skim upah minimum harus ditetapkan, undang-undang kesatuan sekerja dipinda, upah yang sama bagi kerja yang sama tanpa mengira kaum, jantina, dan langkah keselamatan dan kesihatan yang berkesan diambil di kilang dan tempat kerja yang lain,
12. Membina satu sistem kebijakan sisial bagi menjaga golongan penganggur, cacat, warga tua, dan lain-lain yang memerlukan bantuan,
13. Mewujudkan sistem perkhidmatan kesihatan kebangsaan yang menyeluruh untuk memastikan golongan menengah dan bawahan berpeluang mendapat perkhidmatan perubatan yang memuaskan tetapi tidak mahal,

14. Kerajaan harus menyediakan satu sistem pengangkutan awam yang murah dan berkesan, bukan setakat meluluskan projek kereta nasional dan lebuh raya yang memberi keuntungan besar kepada pihak yang berkepentingan peribadi. Memberhentikan bayaran tol di sekitar bandar bagi meringankan bebanan rakyat,
15. Mengkaji semula akta-akta yang menghina kaum wanita, memperbaiki kedudukan kaum wanita, menyediakan perkhidmatan pusat asuhan kanak-kanak, mengambil langkah untuk mencegah gangguan ke atas kaum wanita di tempat kerja, melarang media massa dari menjatuhkan imej dan maruah kaum wanita, menjatuhkan hukuman berat ke atas perogol dan pihak-pihak yang melakukan segala bentuk kezaliman serta penganiayaan ke atas kaum wanita dan kanak-kanak,
16. Dasar Kebudayaan Kebangsaan harus bersifat demokrasi dan menjamin kebudayaan semua kaum dapat dkekalkan dan dikembangkan. Nilai-nilai bersama seperti sains, demokrasi, pemerintahan undang-undang dan semangat cintakan negara adalah asas panduan bagi membina dasar kebudayaan nasional,
17. Sebelum Rang Undang-undang Pendidikan 1990 dibentang di Parlimen, kerajaan harus memberi masa yang cukup kepada rakyat untuk menyemak dan membincangannya. Selain aspek pembangunan negara dan sukatan pelajaran yang seragam, Dasar Pendidikan Kebangsaan juga harus menjamin sistem pendidikan bahasa ibunda semua kaum mendapat layanan yang sama rata,
18. Akta Pendidikan baru tidak harus mempunyai peruntukan-peruntukan yang mengancam kewujudan dan ciri-ciri SJK seperti Fasal 21(2), Fasal 26(A) Akta Pelajaran 1961 serta matlamat akhir iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan,
19. Kerajaan harus mengiktiraf SMPC, termasuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan SMPC serta membantu perkembangannya, dan
20. Kerajaan harus mengakui sumbangan Kolej Tunku Abdul Rahman serta mengiktiraf sijil dan diploma kolej tersebut tanpa sebarang syarat.

( Ibid. : 283 –287 )

Dokumen tuntutan yang semangatnya berlandaskan hak demokrasi dan sivil itu dikemukakan menjelang pilihan raya umum dengan tujuan untuk menilai pendirian parti-parti politik terhadapnya dan pengundi-pengundi diseru supaya

mengundi berdasarkan pendirian yang ditunjukkan oleh sesuatu parti. Dalam hal ini kebanyakan permintaan dokumen itu disahut dan diterima oleh Gagasan Rakyat dan kecenderungan ini dapat dilihat dalam manifesto pilihan raya pakatan itu yang berjudul “Selamatkanlah Malaysia”. Selain perjuangan Negara Islam,<sup>16</sup> prinsip perjuangan PAS juga dikatakan secocok dengan permintaan-permintaan dokumen tersebut tetapi dokumen itu kurang mendapat perhatian BN, di mana manifestonya menekankan tema kesinambungan politik demi mencapai dan mempertahankan keamanan, kestabilan, dan kemakmuran negara ( Ibid. : 287-294 ).

Dalam pada itu sekumpulan pemimpin dari Dongjiaozong dan DPCS turut mengemukakan “Perisytiharan Bersama Ke Arah Masyarakat Demokrasi” pada 18 Oktober 1990, iaitu 2 hari sebelum pembuangan undi ( Thock 1994 : 282 ). Dalam deklarasi itu mereka menginginkan Malaysia dibina atas landasan kebenaran, keadilan, demokrasi, dan hak asasi manusia. Demi pencapaian hasrat itu mereka menyeru semua rakyat supaya merealisasikan Sistem Dua Barisan. Antara pemimpin kumpulan itu ialah Quek Suan Hiang dan Lau Sik Thong ( pemimpin Dongzong ), Sim Mow Yu, Loot Ting Yee, dan Tuang Pik King ( pemimpin Jiaozong ) serta Soo Lim Pang ( pemimpin Gabungan Pengurus Sekolah-Sekolah Cina Negeri Sembilan ).

Sementara itu segolongan aktivis pendidikan Cina dan pemimpin pelapis Huatuan pula menubuhkan Pasukan Kerja Prihatin Pilihan Raya untuk membantu perjuangan merealisasikan Sistem Dua Barisan. Pasukan itu telah melancarkan kempen pilihan raya bagi pihak barisan pembangkang, khususnya DAP, PRM, dan

---

<sup>16</sup> Akibat bantahan keras DAP dan para pemimpin Huatuan serta kompromi yang dicapai dengan Semangat 46, matlamat pembentukan Negara Islam telah dikeluarkan daripada manifesto PAS yang berjudul “Membangun Bersama Islam”, lihat Crouch ( 1992 : 35 )

Semangat 46 ( Sia 1997 : 297 ). Atas daya usaha pasukan itu juga pemimpin-pemimpin Huatuan yang menandatangani perisyntihsaran pada 18 Oktober 1990 telah menyertai kempen pilihan raya.

Huraian di atas jelas menunjukkan pemimpin dan aktivis Huatuan telah mengambil inisiatif bagi mempopularkan gagasan Sistem Dua Barisan dalam komuniti Cina. Usaha yang diambil itu kelihatan berjaya dalam memobilisasikan orang Cina ke arah pemahaman dan penerimaan gagasan tersebut. Walaupun pakatan pembangkang yang diterajui Tengku Razaleigh telah merealisasikannya dalam pilihan raya umum 1990, namun menurut pengurusi CRC waktu itu Yang Pei Keng ( 1996 : 206 ), kejayaan itu sebenarnya berpunca dari bibit yang disemai oleh CRC pada tahun 1986.

### **6.3.6 Keputusan Pilihan Raya Umum 1990**

Pilihan raya umum 1990 merupakan satu pilihan raya yang penuh dengan debaran dan keputusannya sukar diramal lantaran kehadiran pakatan pembangkang yang kelihatan begitu menggugat tetapi masih belum diuji kekuatannya. Pada hari penamaan calon yang berlangsung pada 11 Oktober 1990, didapati wujud kerjasama dan permuafakatan yang baik antara APU dan Gagasan Rakyat dalam meletakkan calon bagi pertandingan di sesuatu kawasan pilihan raya. Kecenderungan ini terbukti kerana hampir keseluruhan kawasan pilihan raya ditandingi secara satu lawan satu antara calon BN dan calon Gagasan Rakyat atau APU. Jadual di bawah memerikan trend tersebut :

Jadual 6.3 Pola Pertandingan Kawasan Parlimen dan DUN dalam Pilihan Raya Umum 1990

Jenis Pertandingan	Parlimen	DUN
Dua Penjuru	138	298
Tiga Penjuru	34	51
Empat Penjuru	2	2
Lima Penjuru	3	0
Enam Penjuru	1	0
Menang tanpa bertanding	2	0
<b>Jumlah</b>	<b>180</b>	<b>351</b>

Sumber : Aziz Zariza ( 1990 : 380 )

Pola persaingan yang sengit diperhebat apabila Pairin Kitingan selaku presiden mengumumkan PBS keluar daripada BN pada 15 Oktober 1990. Punca utama yang mendorong parti itu mengambil langkah drastik demikian ialah keengangan kerajaan pusat memenuhi permintaan-permintaan yang dituntut oleh parti tersebut.<sup>17</sup> Penarikan PBS empat hari selepas penamaan calon menampilkkan gugatan yang amat besar kepada BN dan seterusnya mengubah corak kempen pilihan raya. Ini adalah kerana BN telah kehilangan 14 kerusi Parlimen ( calon PBS ) kepada barisan pembangkang. Perkembangan yang mendesak itu memaksa BN pimpinan Dr. Mahathir mengeksplorasi unsur pertentangan agama Islam dan Kristian yang berbahaya serta soal ketuanan Melayu secara meluas<sup>18</sup> ( Chandra 1990 : 8-9 ).

<sup>17</sup> Untuk keterangan lanjut tentang kebangkitan PBS dalam arena politik negeri Sabah dan perbalahan parti itu dengan kerajaan pusat, lihat Loh ( 1992 : 225-253 )

Isu-isu perkauman turut mendominasi kempen-kempen pilihan raya. BN dituduh mengedarkan iklan bertemakan “Sokong Pembangkang Membawa Rebah” dengan bersertakan gambar-gambar yang berunsurkan keganasan, pertumpahan darah, membakar, dan membunuh ( violence, bloodshed, arson and carnage ) untuk menimbulkan kebimbangan dan menakut-nakutkan rakyat ( Lim 1991 : 9 ). Malah Dr. Mahathir sendiri juga dilaporkan terang-terang memberi amaran bahawa Peristiwa 13 Mei akan berulang jika BN tidak dapat mengekalkan majoriti dua pertiga ( Ibid. ).

Menurut Jomo, isu perkauman dan pertentangan agama di atas diperguna kerana gugatan yang melanda UMNO selepas penarikan PBS memaksa parti itu mengalah kepada langkah berbahaya dengan mengorbankan undi orang Cina dalam usahanya bagi menggembung dan menyatupadukan undi orang Melayu di bawah UMNO ( Thock 1994 : 294 ). Bentuk kempen pilihan raya demikian telah mengakibatkan sokongan sebahagian besar orang Melayu yang berpaut di bawah Semangat 46 beralih kembali kepada UMNO pada saat-saat akhir kerana parti itu dilabel sebagai “penderhaka” kepada kepentingan bangsa Melayu. Manakala orang bukan Melayu pula berasa bimbang dan tidak puas hati terhadap corak kempen demikian dan ini mengakibatkan mereka cenderung untuk mengundi parti pembangkang, terutamanya DAP. Dengan trend itu maka polarisasi dalam pola pengundi antara orang Melayu dan bukan Melayu merupakan fenomena yang tidak dapat dielakkan lagi.

---

<sup>18</sup> Jentera pilihan raya BN memperguna isu Tengku Razaleigh memakai tanjak yang berupa salib semasa berada di Sabah dan menuduh tokoh itu menjunjung salib serta menggabungkan kuasa Kristian untuk menentang orang Melayu. Kepakatan Tengku Razaleigh dengan parti-parti bukan Melayu pula dipropagandakan oleh BN sebagai menggadaikan ketuanan Melayu di Malaysia.

Dengan memperoleh kembali sokongan orang Melayu, UMNO yang mendominasi BN telah membantu parti pemerintah itu mengekalkan pemerintahannya di kerajaan pusat dan majoriti dua pertiga di Parlimen. Shahrir Samad, seorang bekas ahli Parlimen dilaporkan berkata “Kemenangan BN itu bukan disebabkan oleh kekuatan UMNO, sebaliknya mereka tidak menyokong kepimpinan parti itu dan mereka keluar secara sukarela untuk mengundi adalah semata-mata bagi mengekalkan ketuanan Melayu dan kedudukan agama mereka.” ( Ibid. : 293 ). Kenyataan ini menunjukkan betapa kempen pilihan raya bersifat komunal yang digerakkan oleh jentera BN berjaya dalam mempengaruhi pola pengundian orang Melayu.

Walau bagaimanapun BN turut mengalami tamparan kerana kerajaan negeri Kelantan telah dikuasai oleh APU. Manakala di Pulau Pinang, DAP menunjukkan prestasi cemerlang dengan memenangi 14 kerusi DUN dan parti itu hanya kekurangan 3 kerusi sahaja untuk membentuk kerajaan negeri ( Khong 1991 : 37 ). Dalam pada itu undi popular yang diperoleh BN turut menunjukkan kemerosotan yang ketara, iaitu dari 57.4% ( tahun 1986 ) susut kepada 51.95%. Pola pengundian yang bercapah antara orang Melayu dan orang Cina menyumbang kepada prestasi baik DAP, sebaliknya parti-parti Cina komponen BN pula menerima padah natijah daripada kempen pilihan raya BN yang bersifat perkauman itu. Jadual berikut merincikan prestasi setiap parti yang bertanding:

Jadual 6.4 Perbandingan Prestasi Parti-Parti Politik Utama dalam Pilihan Raya Umum 1990 & 1986 ( Parlimen )

Nama Parti	Bil. Calon 1990	Menang	Bil. Calon 1986	Menang
UMNO	86	71	84	83
MCA	32	18	32	17
MIC	6	6	6	6
Gerakan	9	5	9	5
PBS	14	14	14	10
DAP	57	20	64	24
PAS	30	7	99	1
Semangat 46	61	8	-	-
PRM	3	0	4	0
Bebas	50	4	51	4

Sumber : SPR ( 1992 : 12 ) ; Khong ( 1991 ) ;  
Sankaran & Mohd Hamdan ( 1988 : 51 )

Catatan : PBS menyertai barisan pembangkang dalam pilihan raya umum 1990.  
Manakala Semangat 46 belum wujud lagi dalam pilihan raya umum 1986.

Dalam pilihan raya umum 1990 Semangat 46 mengalami kekecewaan yang paling ketara. Parti itu yang diterajui Tengku Razaleigh untuk menumpaskan pentadbiran Dr. Mahathir tidak berupaya memberi keputusan yang diharapkan. Dari 65 kawasan Parlimen dan 152 DUN yang ditandingi, Semangat 46 hanya masing-masing mencatat kemenangan di 8 kawasan Parlimen dan 19 kawasan DUN. Menurut Crouch ( 1992 : 39 ) salah satu penyebab penting yang menyumbang kepada prestasi lemah itu ialah budaya penaungan politik dalam UMNO. Hal ini demikian kerana ramai penyokong Semangat 46 merupakan bekas ahli UMNO yang sekian lama bergantung kepada amalan penaungan mulai kembali kepada UMNO setelah mereka menyedari hanya parti itu mampu memberi berbagai-bagai manfaat kepada mereka.

Dalam pada itu pola pengundian orang Cina yang memihak kepada parti pembangkang telah menyuguhkan prestasi cemerlang DAP. Pola pengundian yang demikian merupakan hasil perjuangan dan mobilisasi politik yang dilakukan oleh para pemimpin Huatuan yang kebanyakannya merupakan pemimpin dan aktivis Dongjiaozong. Mobilisasi ke arah perubahan dalam masyarakat Cina itu terjadi kerana kumpulan itu amat berpengaruh dalam komuniti Cina memandangkan 85% daripada pelajar Cina di sekolah rendah menerima pendidikan mereka di sekolah aliran Cina ( Khong 1991 : 31 ). Kecenderungan pola pengundian orang Cina itu bertitik tolak daripada kesedaran untuk mewujudkan Sistem Dua Barisan agar :

Pengundian masyarakat Cina terhadap barisan pembangkang dengan harapan kerajaan akan menunjukkan sikap yang lebih terbuka dan responsif terhadap kepentingan dan permintaan kaum Cina memandangkan kaum Cina dapat memainkan peranan sebagai ‘power broker’ dengan lebih signifikan dalam menentukan kerajaan di bawah Sistem Dua Barisan.

( Low 2000 : 215-216 )

Dengan pola pengundian di atas, prestasi empat orang calon bekas pemimpin dan aktivis Huatuan yang menyertai DAP turut menunjukkan prestasi yang memberangsangkan, iaitu mencatatkan dua kemenangan. Kua Kia Soong yang bertanding di kawasan Parlimen Petaling Jaya telah menewaskan Soh Chee Wen ( BN-MCA ) dengan kelebihan undi sebanyak 15,950 undi. Lim Wan Show pula memenangi kerusi DUN Maharani di Johor dengan majoriti undi sebanyak 2,462. Manakala Lee Ban Chen dan Ng Wei Siong yang masing-masing bertanding di kawasan Parlimen Bakri dan Kluang pula tewas di tangan calon BN. Kekalahan

mereka di kawasan campuran berpunca daripada peralihan undi orang Melayu ke BN pada saat-saat akhir.<sup>19</sup> Jadual berikut merumuskan prestasi bekas aktivis Huatuan:

Jadual 6.5 Pencapaian Calon-Calon Bekas Pemimpin Huatuan  
Dalam Pilihan Raya Umum 1990

Kawasan Pilihan Raya	Nama Calon & Parti	Undi yang Diperoleh	Majoriti
Kluang (Parlimen)	Ng Wei Siong (DAP) Kang Chow Oh (BN)	24,860 29,698	4,838
Bakri (Parlimen)	Lee Ban Chen (DAP) Chua Jui Meng (BN)	15,619 18,730	3,111
Petaling Jaya (Parlimen )	Kua Kia Soong (DAP) Soh Chee Wen (BN)	40,685 24,735	15,950
Maharani (DUN)	Lim Wan Show (DAP) Ng Kok Wah (BN)	8,726 6,264	2,462

Sumber : Sia ( 1997 : 324 )

Secara keseluruhannya pilihan raya umum 1990 dan keputusannya menunjukkan Sistem Dua Barisan telah terbentuk di arena politik Malaysia. Walaupun dari segi jumlah kerusi Parlimen, BN jauh mendahului barisan pembangkang dengan mencatatkan 127 kerusi berbanding dengan 53 ( termasuk 4 orang calon bebas ), namun peratusan undi popular yang diperoleh kedua-dua barisan tidak jauh berbeza, iaitu 51.95% berbanding dengan 45.4%. Trend ini membuktikan kewujudan dua buah kuasa politik yang mampu bersaing bagi menguasai tumpuk pemerintahan Malaysia. Dalam hal in hasrat para pemimpin

<sup>19</sup> Komposisi etnik pengundi di Bakri ialah Melayu = 42.0%, Cina = 55.0% , India = 2.5%, dan kaum-kaum lain = 0.5% ; komposisi di Kluang ialah Melayu = 40.0, Cina = 50.0%, India = 9.0%, dan kaum-kaum lain = 1.0%, lihat *New Starits Times* 20 Oktober 1990.

Huatuan untuk membentuk Sistem Dua Barisan sejak tahun 1986 telah tercapai. Selain perjuangan Huatuan yang gigih ke arah itu, perpecahan kuasa politik Melayu sebenarnya menyediakan keadaan yang sangat diperlukan dalam proses pembentukan tersebut.

#### **6.4 Rumusan**

Dekad 80-an menampilkan satu era yang memperlihatkan penghakisan hak dan kepentingan masyarakat Cina mencapai kemuncaknya. Hal ini demikian kerana pelaksanaan DEB yang mencapai satu dasawarsa didapati begitu menghimpit kegiatan ekonomi orang Cina dan peluang pendidikan tinggi untuk generasi muda keturunan Cina di universiti tempatan turut terjejas dengan teruk. Manakala Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang berpaksikan falsafah asimilasi pula kelihatan menggugat identiti kecinaan masyarakat Cina. Perkembangan ini jelas menunjukkan pendekatan *Sanjiehe* dan penyatuan orang Cina yang diterapkan oleh pergerakan Huatuan sebelum ini gagal dalam usahanya untuk menangani dilema orang Cina.

Senario yang demikian telah mendorong para pemimpin dan aktivis Huatuan mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan komuniti Cina dengan mengalihkan perjuangan Huatuan kepada landasan yang bersandarkan penuntutan hak demokrasi dan sivil. Dengan landasan baru itu mereka berjaya menonjolkan tuntutan komuniti Cina tidak harus dipandang dari perspektif komunal, sebaliknya ia patut dilihat sebagai hak rakyat sebuah negara demokrasi yang patut dipenuhi pemerintah. Mereka turut menyedari hakikat bahawa dilema yang selama ini melanda masyarakat Cina berpunca daripada hegemoni politik UMNO. Dalam hal

ini permasalahan orang Cina yang berlaku merupakan natijah daripada ketidaksempumaan sistem demokrasi Malaysia, di mana terdapat pemusatan kuasa di tangan UMNO. Dengan pegangan pendirian itu maka hala perjuangan Huatuan dalam dekad 80-an berfokus kepada pengekangan hegemoni UMNO.

Bagi mencapai matlamat pengekangan itu gagasan Sistem Dua Barisan mula diketengahkan oleh para pemimpin Huatuan sejak tahun 1986. Dalam usaha untuk mempopularkan gagasan itu, mereka mengadakan pelbagai perjumpaan dan dialog dengan parti-parti politik, termasuklah PAS yang pada masa itu sangat ditakuti oleh orang Cina kerana perjuangan Negara Islamnya. Menjelang pilihan raya umum 1986, kumpulan itu turut terbabit dalam usaha pembentukan pakatan pembangkang dengan harapan dapat mengekangi kekuasaan UMNO agar masalah penghakisan hak dan kepentingan komunitinya dapat ditangani.

Penglibatan para pemimpin dan aktivis Huatuan secara langsung dalam politik pembangkang hanya berlaku dalam pilihan raya umum 1990. Penangkapan empat orang pemimpin Dongjiaozong dalam Operasi Lalang merupakan pencetus kepada tindakan nekad itu. Tindakan itu mencerminkan kehampaan dan ketidakpuasan kumpulan itu yang juga dikongsi oleh masyarakat Cina massa terhadap kerajaan BN. Hal yang demikian telah menyumbang kepada pola pengundian komuniti Cina yang memihak kepada parti pembangkang dalam pilihan raya umum 1990. Perkembangan ini menunjukkan pergerakan Huatuan telah muncul sebagai satu kuasa politik Cina yang mampu memberi impak kepada politik Malaysia dan ini menyebabkannya menjadi sasaran penguasaan dan penekanan oleh kerajaan BN dalam tahun 90-an.